

Kicau

Veterinar

 @veterinarmalaysia

 @DVSMalaysia

 dvsmalaysia_official

www.dvs.gov.my

EDISI 11



ISI KANDUNGAN

- ms. 1 Perdana Menteri Bersama Peladang, Penternak Dan Nelayan di Beaufort.
 - ms. 2 Lawatan Kerja Menteri Pertanian Dan Industri Makanan Sempena Karnival Mini Industri Makanan.
 - ms. 3 Program Industri Sarang Burung Walet.
 - ms. 4 Walet.
 - ms. 5 Pelantikan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Baru
 - ms. 6 Sambutan Hari Rabies Sedunia Peringkat Kebangsaan.
 - ms. 9 Kunjungan Hormat Wakil Kedutaan Afrika Selatan.
 - ms. 10 Kunjungan Hormat Wakil Kedutaan Argentina.
 - ms. 11 DVS Terima Kunjungan Hormat Pesuruhjaya Tinggi Australia.
 - ms. 12 Kunjungan Hormat Kedutaan Ukraine.
 - ms. 13 Perbincangan Sekuriti Rantaian Makanan Halal di Malaysia.
 - ms. 14 Sesi Temubual Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar bersama Bernama Mandarin News Channel.
 - ms. 15 Pra- Pelancaran Maha 2020 : Edisi Hibrid.
 - ms.16 KP E-Cencus.
 - ms. 17 Lawatan Kerja Ketua Pengarah DVS ke Kilang Pemprosesan AMG.
 - ms. 18 Baka Anjing Terlarang dan Baka Anjing Terhad.
 - ms. 19 *Animal And Animal Products Technical Working Group (AAPTWG) Intersessional.*
 - ms. 20 Bengkel Semakan Silibus Sijil Veterinar Malaysia (SVM).
 - ms. 21 Halal *Taskforce Intersession 2020* Malaysia.
 - ms. 22 Hawar Berdarah Boleh Dicegah Dengan Suntikan Vaksin.
 - ms. 24 *Pet Passport.*
 - ms. 25 Penggunaan Istilah “Pegawai Kebajikan Haiwan”.
-

PERDANA MENTERI

Bersama

PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN

Di Beaufort

BEAUFORT: Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini meluangkan masa bersama warga peladang, penternak dan nelayan Sabah di Dataran Bagandang, Beaufort pada 17 September 2020.

Beliau tiba jam 9.45 pagi sambil memakai pelitup muka, melambaikan tangan kepada hadirin yang turut menjaga pematuhan prosedur operasi standard (SOP) COVID-19 termasuk penjarakan fizikal.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiang, dua timbalannya Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Datuk Che Abdullah Mat Nawi serta Ahli Parlimen Beaufort, Datuk Azizah Mohd Dun.

Dalam majlis tersebut, YAB Perdana Menteri sempat menyerahkan 'mock cheque' kepada wakil Penternak Skim Rezeki Ternak Negeri Sabah, Encik Awang Piut.



Lawatan Dato' KSU MAFI ke booth Pameran DVS, sempat merasa sup Sarang Burung Walet resepi chef yang dibawa khas dari Putrajaya



Penyerahan 'mock cheque' kepada wakil Penternak Skim Rezeki Ternak Negeri Sabah, En. Awang Piut

LAWATAN KERJA

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
SEMPENA KARNIVAL MINI INDUSTRI MAKANAN

DVS Perak tidak melepaskan peluang untuk mengambil bahagian dalam pameran pada 9 Ogos 2020 bersempena Karnival Mini Industri Makanan dengan mempamerkan ternakan seperti arnab, puyuh dan ayam eksotik di samping produk IAT, susu berperisa serta kambing perap.



PROGRAM INDUSTRI SARANG BURUNG WALET

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, berkesempatan menyerahkan sijil dan kad RFID premis kepada seramai 67 orang pengusaha premis burung walet manakala lapan orang pengusaha pula telah lulus pengauditan dan dianugerahkan dengan sijil MyGap pada 20 September 2020 bertempat di Dewan Koperasi Matanggar Beluran, Sabah.

DVS telah membangunkan sistem pendaftaran premis ID yang dikenali sebagai METS melibatkan premis berkaitan di sepanjang rantai pengeluaran ini bagi memenuhi keperluan Protokol dan membolehkan Malaysia mengeksport sarang burung walet ke China.



Faedah pelaksanaan program ini kepada pengusaha walet adalah:

1. Hasil sarang burung walet dari premis yang berdaftar dan mempunyai ID premis mendapat permintaan yang tinggi.
2. Harga sarang burung walet dari premis berdaftar dan mempunyai sijil MyGap RM200-400 lebih mahal.
3. Kualiti sarang burung walet yang dihasilkan dengan amalan MyGap lebih tinggi dan mencapai gred yang lebih baik. Ini diterjemah kepada pulangan yang lebih lumayan kepada pengusaha.

Kerajaan Malaysia melalui DVS telah berjaya membuka pasaran eksport sarang burung walet mentah belum bersih ke China. Sarang burung walet mentah belum bersih dikumpulkan di *collecting centre* sebelum diproses untuk eksport.

Untuk melengkapkan rantai daya jejak dan penghasilan sarang burung walet berkualiti bagi tujuan eksport ke China, sebuah loji pemprosesan Nestlin M Sdn Bhd juga telah lulus pengauditan dan layak dianugerahkan sijil *Good Veterinary Hygiene Practice (GVHP)*.

WALET

Walet adalah sejenis sarang burung yang boleh dimakan (Edible Bird's Nest/ EBN). Ia merupakan rembesan air liur burung walet yang telah mengeras.

EBN terdiri daripada Glikoprotein bernilai tinggi yang kaya dengan asid amino, karbohidrat, kalsium, natrium dan kalium. Ia biasanya dirujuk sebagai “Kaviar dari Timur” kerana ia diperolehi dengan harga premium dan dianggap sebagai produk makanan yang dihormati di Timur.

Selain itu, EBN juga dijadikan sebagai tonik makanan kerana ia terbukti berkhasiat dan bermanfaat dalam segi perubatan antaranya anti penuaan dan anti kanser.

Antara kegunaan lain termasuklah rawatan kekurangan zat makanan, meningkatkan sistem imunisasi serta meningkatkan metabolisme badan.

KOMPONEN UTAMA SARANG BURUNG ASID SIALIK

Mengandungi kalsium dan natrium yang tinggi

Dapat menangkis bakteria, virus & mikrob berbahaya lain

Kesan yang baik pada terhadap neurologi & intelek bayi


Moderator sistem imunisasi yang sangat baik



Pelan Strategi Sarang Burung Walet (SBW) 2018-2022

- Strategi 1 : Pengukuhan keupayaan pengeluaran SBW negara.
- Strategi 2 : Penerokaan dan perluasan pasaran baharu.
- Strategi 3 : Memperkukuhkan sistem daya jejak.
- Strategi 4 : Penguatkuasaan pematuhan garis panduan pembangunan industri SBW.
- Strategi 5 : Memperkasakan pengeluaran produk hiliran berasaskan SBW.
- Strategi 6 : Memperkasakan penglibatan bumiputera dalam industri SBW.
- Strategi 7 : Ke arah kelestarian industri SBW.

PIHAK PENGURUSAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR,
DENGAN INI MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS ATAS KENAIKAN PANGKAT




TAHNIAH



DR. SURATAN BIN KAMARUDIN
pelantikan sebagai
TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR
(PEMBANGUNAN)


TAHNIAH



DR. AKMA BINTI NGAH HAMID
pelantikan sebagai
TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR
(KV)

Sambutan HARI RABIES SEDUNIA Peringkat Kebangsaan

Sambutan Hari Rabies Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 bertemakan, '*End Rabies: Collaborate, Vaccinate*' telah pun diadakan pada 28 September 2020 bertempat di Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor.

Hari Rabies Sedunia disambut setiap 28 September sebagai satu usaha meningkatkan kesedaran dunia mengenai kepentingan pencegahan penyakit rabies dalam kalangan masyarakat.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, YBhg. Dato' Dr. Norlizan Mohd Noor telah merasmian program tersebut diiringi Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Veterinar, YBrs. Dr. Akma Ngah Hamid.

Turut diadakan pada hari berkenaan adalah pameran, sesi pembentangan mengenai penyakit rabies serta majlis penghargaan petugas yang menyertai Operasi Bersepadu Kawalan Penyakit Rabies di Sarawak pada tahun 2019.

Berikut merupakan kenyataan media yang dikeluarkan mengenai wabak rabies:-

- 1 Hari Rabies Sedunia 2020 bertemakan "*End Rabies: Collaborate, Vaccinate*" bertujuan meningkatkan kefahaman dan kesedaran orang ramai terhadap penyakit rabies serta kepentingan pengawalan dan pembasmian penyakit dalam kalangan haiwan terutama anjing dari menjangkiti manusia.
- 2 Penyakit rabies atau penyakit anjing gila disebarkan melalui *virus lyssavirus* yang bersifat zoonotik mampu menjangkiti manusia dan haiwan.
- 3 Penyakit ini menyerang saraf dan sistem neurologi dan menjangkiti manusia melalui luka gigitan anjing yang dijangkiti rabies dan melalui luka yang terdedah dengan air liur, cairan atau tisu tubuh dari haiwan yang dijangkiti.
- 4 Tempoh inkubasi rabies pada manusia mengambil masa beberapa hari hingga beberapa tahun. Sebilangan besar kes menunjukkan gejala jangkitan selepas sebulan hingga tiga bulan.
- 5 Menurut satu kajian oleh Badan Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) yang dilakukan pada 2014, empat hingga 10 peratus kes mempunyai tempoh inkubasi melebihi enam bulan. Individu yang dijangkiti mengalami tanda klinikal seperti demam, sakit badan dan kepala, hidrofobia (takut pada air), lumpuh dan koma yang boleh menyebabkan kematian kepada manusia sekiranya gagal mendapat rawatan segera.
- 6 Penyakit rabies boleh dikawal melalui langkah awalan pencegahan dan rawatan pembersihan luka gigitan dilakukan disamping tindakan menyejajarkan rawatan ke hospital.

7 Penyakit rabies terutama ke atas anjing boleh dicegah jika semua anjing bertuan diberi suntikan imunisasi. Liputan perlindungan pelalian vaksin terhadap anjing meliputi 70 peratus daripada populasi dapat menghindari penyakit rabies dari merebak.

8 Setakat ini Malaysia belum bebas dari penyakit berkenaan dan statistik di Sarawak bagi tempoh Julai 2017 hingga Ogos 2020 merekodkan mangsa seramai 24 orang.

9 Pelbagai usaha telah dan akan dilakukan pihak jabatan untuk terus mengawal dan membasmi penyakit ini, antaranya merayu semua pihak yang terlibat agar tampil dan berkerjasama dengan pihak berkuasa.

10 Kebajikan haiwan perlu dititikberatkan melalui lima prinsip agar kebajikan haiwan terpelihara. Lima prinsip berkenaan termasuklah tempat yang selesa serta bebas daripada penyakit.

11 Setiap pemilik haiwan dan orang awam perlu bertanggungjawab dengan mengawal populasi haiwan terutama anjing bagi membendung masalah anjing terbiar disamping mendapat imunisasi untuk haiwan peliharaan mereka.



12 Melalui imunisasi penyakit rabies, setiap haiwan peliharaan terjamin selamat dan sihat dari jangkitan.

13 Selaras dengan tema, “*End Rabies: Collaborate, Vaccinate*” adalah diharapkan agar semua pihak terlibat dapat mengawal populasi anjing daripada terbiar dan dizalimi serta mendapatkan imunisasi yang mencukupi untuk perlindungan haiwan peliharaan tersebut.





14 Pihak jabatan mengambil pendekatan melalui tindakan pembentukan kawasan penamparan (*immune belt*). Pendekatan ini bermaksud mana-mana negeri yang bersempadan dengan negara yang berisiko tinggi terkena jangkitan rabies, perlu meningkatkan penguatkuasaan agar kemasukan haiwan dari luar sempadan dapat dikawal.

TANDA-TANDA **RABIES** PADA ANJING



Menggigit apa saja yang ada disekitarnya (benda atau orang)



Gelisah & agresif



Air liur berlebihan



Ekor ditekek di antara kedua kaki belakang



Takut air



Menyendiri



Takut cahaya



Takut suara

15 Setiap pemilik anjing di kawasan penamparan perlu mendapat imunisasi terhadap anjing tersebut, Selain itu adalah wajib bagi pemilik anjing memiliki lesen, memelihara anjing di dalam kawasan rumah serta diikat jika dibawa keluar untuk bersiar bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan semua pihak.

16 Sepanjang tahun 2020 iaitu Januari sehingga Ogos, merekodkan sebanyak 11,671 pemvaksinan dilakukan terhadap anjing-anjing bertuan termasuk 475 pemvaksinan di kawasan penamparan dalam usaha untuk meningkatkan 70% imuniti ke atas anjing dalam usaha pengawalan jangkitan rabies.

17 Pemvaksinan ini bertujuan memastikan setiap anjing mendapat imuniti yang mencukupi di samping mempertingkatkan daya jejak melalui perlesenan anjing. Kempen-kempen kesedaran turut dijalankan kepada orang awam dan pelajar sekolah berkaitan penyakit rabies.

18 Keseluruhan rekod pengendalian rabies di Sarawak mencatatkan sebanyak 183,225 pemvaksinan terhadap anjing dan kucing dijalankan dari Julai 2017 hingga 21 September 2020. Daripada jumlah berkenaan, pemvaksinan yang melibatkan anjing merekodkan 174,560 ekor, manakala 8,609 ekor melibatkan kucing.

Kunjungan Hormat Wakil Kedutaan Afrika Selatan

Pejabat Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menerima kunjungan hormat Wakil Kedutaan Afrika Selatan pada 11 Ogos 2020 yang lalu.

Tiga wakil berkenaan adalah Encik Schoeman du Plessis (*Acting High Commissioner*), Ms. Mmaphala Legodi (*Third Secretary Political*) dan Ms. Chang Hou Yea (*Marketing Officer*).

Kunjungan pada kali ini membincangkan isu berkaitan pengimportan dan lain - lain yang berkaitan antara dua negara.

DVS diwakili oleh Dato' Dr. Norlizan Mohd Noor, KPPV dan beberapa Pegawai Sumber Jabatan serta Ketua Seksyen Antarabangsa DVS.



Kunjungan Hormat Wakil Kedutaan Argentina

Pada 10 Ogos yang lalu, H.E. Manuel Balaguer Salas, *The Ambassador of the Argentina Republic* telah membuat kunjungan hormat ke atas Dato' Dr. Norlizan Mohd Noor, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar.

Kunjungan turut diiringi oleh Encik Alexis Am, *Minister Plenipotentiary* dan Encik Jorge Abate, *Counsellor of this Embassy* serta pegawai sumber DVS yang terdiri daripada Dr. Sabariah Ismail (Seksyen Pengurusan Import Eksport), Dr. Mohammad Razli Abdul Razak (Seksyen Pemeriksaan dan Pensijilan Veterinar) dan Dr. Rahizad Abd. Shukor (Seksyen Pelaburan dan Pembangunan Usahawan).

Semoga kerjasama erat ini dapat diteruskan untuk mewujudkan peluang yang lebih baik dalam bidang ternakan bagi kedua - dua belah pihak.



DVS Terima Kunjungan Hormat Pesuruhjaya Tinggi Australia



Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia telah menerima kunjungan hormat dari Pesuruhjaya Tinggi Australia, T.Y.T. Andrew Goledzinowski, diiringi Encik Sanjay Boothalingam, *Agriculture Counsellor* and Encik Hafiz Burkhan, *Agriculture Officer* pada 4 Ogos 2020 yang lalu.



Kunjungan hormat ini bertujuan membincangkan peluang kerjasama baharu dan yang sedia ada serta isu-isu kelangsungan perdagangan haiwan dan produk haiwan antara kedua-dua negara.

DVS diwakili oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Dato' Dr. Norlizan Mohd Noor dan pegawai-pegawai sumber dari bahagian-bahagian yang berkenaan.

Malaysia dan Australia telah berdagang lebih dari 40 tahun dan semoga kerjasama ini dapat diteruskan dalam mengekalkan hubungan yang baik di antara kedua-dua negara.



Kunjungan Hormat Kedutaan Ukraine

Pada 15 September 2020, Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar telah menerima kunjungan hormat daripada HE Olexander Nechytskyi, *Ambassador Extraordinary and Plenipotentiary of Ukraine* dan Ms. Yevhenia Shynkarenko, *Trade and Commerce Officer*.

Kunjungan pada kali ini membincangkan antara isu - isu berkaitan pengimportan dan lain - lain yang berkaitan antara dua negara.

DVS diwakili oleh Dato' Dr. Norlizan Mohd Noor, KPPV dan beberapa Pegawai Sumber Jabatan serta Ketua Seksyen Antarabangsa DVS.



PERBINCANGAN SEKURITI RANTAIAN MAKANAN HALAL DI MALAYSIA



Satu forum secara 'live' telah berlangsung pada 21 Ogos 2020 bersama Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan dua lagi panelis iaitu Pengarah Kanan, Bahagian Penyelidikan JAKIM, Dato' Dr. Sirajuddin Suhaimee dan Ketua Pegawai Eksekutif, GISB Holdings Sdn Bhd, Dato' Lokman Hakim Pfordten.



Forum anjuran KiniHalal (Malaysiakini) itu yang menampilkan Puan Syilda Ismail sebagai moderator membincangkan sekuriti rantai makanan serta ketersediaan Malaysia untuk mendapatkan sumber makanan yang halal dan mencukupi.

Ini sekaligus dapat memberikan kepada persoalan orang ramai yang bimbang mereka mungkin akan kehilangan akses kepada makanan yang selamat dan berkhasiat terutama ketika negara menghadapi wabak COVID-19.

Siaran ulangan forum berkenaan boleh disaksikan di Facebook Malaysiakini, Kinitv dan Kinihalal.



SESI TEMU BUAL KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

Bersama

BERNAMA MANDARIN NEWS CHANNEL

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, YBhg. Dato' Dr. Norlizan Mohd Noor sedang ditemubual oleh wartawan Bernama Mandarin News Channel mengenai kepentingan masyarakat Malaysia memiliki *pet passport* untuk haiwan kesayangan mereka.

Sesi tersebut telah diadakan pada 5 Oktober 2020 bertempat di Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Putrajaya.



PRA PELANCARAN MAHA 2020: EDISI HIBRID

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah melancarkan majlis pra pelancaran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA) 2020 pada 26 Ogos 2020 bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor.

Penganjuran MAHA edisi hibrid tahun ini akan diadakan selama tiga hari bermula 26 hingga 29 November 2020 di MAEPS itu bakal menampilkan pelbagai produk baharu pertanian bersandarkan teknologi terkini, inovasi dan strategi pemasaran serta pengeluaran melalui kombinasi fizikal serta maya.

Konsep tersebut selaras dengan pembudayaan norma baharu dan pameran secara maya merupakan platform yang direka khusus bagi memenuhi keperluan perniagaan dalam industri pertanian dan makanan secara dalam talian yang menawarkan pengalaman sama seperti mengunjungi pameran fizikal, sekali gus mampu mengendalikan transaksi perniagaan bagi pasaran domestik atau luar negara.

Meskipun jumlah pengunjung dikurangkan ekoran isu COVID-19, pelaksanaannya lebih meluas hasil platform maya.



PENGISIAN E-CENSUS KP DVS



3 September 2020| Pengisian e-Census oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (DVS), YBhg. Dato' Dr. Norlizan Mohd Noor pada 3 September 2020.

LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH DVS KE KILANG PEMROSESAN AMG

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Dato' Dr. Norlizan Mohd Noor telah membuat lawatan ke Kilang Pemprosesan AMG Advance Profitable Enterprise pada 16 Ogos 2020 bertempat di Majulah Industrial Centre, Sandakan.

Lawatan kerja ini turut disertai oleh Leonard Wilfred Hussin, Timbalan Setiausaha Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan (ITTP) MAFI dan Dr. Peter Lee Ah Kong, Pengarah DVS Negeri Sabah.



BAKA ANJING TERLARANG & BAKA ANJING TERHAD

Anjing Terlarang adalah anjing yang dikhuatiri akan menyebabkan kecederaan kepada awam walaupun dipelihara dengan baik berdasarkan faktor keturunan dan genetik.

Manakala Anjing Terhad pula adalah anjing yang kebiasaannya dilatih untuk menjalankan tugas - tugas tertentu seperti anjing tentera, polis, kastam atau pengawal. Haiwan ini bertindak berdasarkan arahan tertentu.

Segelintir daripada baka ini tidak dilatih tetapi bersifat semulajadi menurut kata serta setia kepada arahan pemilik. Justeru itu, anjing dalam kategori ini tidak dipelihara sebagai haiwan kesayangan tetapi untuk mengawal harta (persendirian atau individu) iaitu anjing tugasan (*working dogs*).

Adakah anjing baka terlarang dan anjing baka terhad ini boleh dibawa masuk ke Malaysia (import)? Bagi anjing baka terlarang, jawapannya adalah tidak boleh. Sementara bagi baka terhad, ianya boleh tetapi ada syarat - syarat tertentu yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Sebarang maklumat lanjut, boleh rujuk Panduan bagi Pengimportan Haiwan Kesayangan ke Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

JENIS BAKA TERHAD



BULL MASTIFF



BULL TERRIER



DOBERMAN



PERRO DE PRESA CANARIO (JUGA DIKENALI SEBAGAI CANARY DOG)



ROTTWEILER



GERMAN SHEPERD

JENIS BAKA TERLARANG



AKITA



AMERICAN BULLDOG




JAPANESE TOSA



PITBULL TERRIER



DOGO ARGENTINO



FILA BRASILEIRO



NEAPOLITAN MASTIFF

-ANIMAL & ANIMAL PRODUCT- TECHNICAL WORKING GROUP

Satu sidang video “*Animal and Animal Products Technical Working Group (AAPTWG) Intersessional*” antara *Department of Agriculture, Water and the Environment (DAWE)* Australia dan *Department of Veterinary Services Malaysia (DVS)* telah berlangsung pada 8 September 2020.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh pemangku Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar) Dr. Akma Ngah Hamid dan Dr Anna Somerville, Assistant Secretary, Export Standards Branch, Exports Division, DAWE.

Turut hadir sama adalah En. Sanjay Boothalingam, dan En Hafiz Burkhan dari Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur. Perwakilan dari JAKIM dan MAQIS juga turut dijemput. Mesyuarat telah membincangkan tindakan susulan dari mesyuarat AAPTWG tahun lepas yang juga diadakan bersempena Malaysia-Australia Agriculture Corporation Working Group (MAACWG) yang telah berlangsung di Le Meridian Putrajaya pada bulan Mac 2019.





BENGGKEL SEMAKAN

SILIBUS SIJIL VETERINAR MALAYSIA (SVM)

Bengkel semakan Silibus Sijil Veterinar Malaysia (SVM) telah berlangsung di Imperial Heritage Hotel, Melaka bermula 28 sehingga 30 Ogos 2020.

Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Institut Veterinar Malaysia sedang dalam usaha memperkukuh serta memperhalusi silibus bagi melengkapkan kurikulum baru yang akan menjadi asas untuk mewujudkan bahan pembelajaran supaya pelaksanaan persijilan memenuhi standard dan keseragaman di dalam bentuk penyampaian serta penilaian pelajar bagi mendapatkan pengiktirafan MQA.

Bengkel ini telah dihadiri seramai 29 orang pegawai kanan yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengkhususan.



HALAL TASKFORCE

INTERSESSION 2020 MALAYSIA

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Kawal Selia Halal (BKSH) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia telah menyertai Mesyuarat *Halal Taskforce Working Group* secara maya bersama Jabatan Pertanian, Air dan Persekitaran Australia (DAWE) pagi ini bertempat di Pejabat Kedutaan Australia di Malaysia pada 15 September 2020.

Mesyuarat yang dipengerusikan bersama oleh YBrs. Tuan Marzuki Hassan, Pengarah BKSH, JAKIM dan Dr. Anna mewakili DAWE membincangkan usahasama strategik antara JAKIM dan DAWE dalam mempertingkatkan pembangunan dan bilangan loji sembelihan yang menepati standard dan protokol Malaysia. Selain itu, turut dibincangkan mengenai pembangunan program kapasiti badan pensijilan halal luar negara yang telah diiktiraf oleh JAKIM, sistem *traceability* halal, penyelidikan halal dan *halal meat partnership* JAKIM - DAWE.

Hadir sama ke mesyuarat tersebut adalah wakil JAKIM iaitu Puan Noraine Hamzah, Puan Mahfudzah Mohamad, Encik Mohd Asyraf Ibrahim manakala wakil dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar ialah Dr. Mohammad Razli Abdul Razak dan Dr. Nornajibah Kamarudin. Wakil Kedutaan Australia pula diwakili oleh Encik Sanjay Boothalingam dan Encik Hafiz Burkhan.



HAWAR BERDARAH

BOLEH DICEGAH DENGAN SUNTIKAN VAKSIN

Penyakit *Haemorrhagic Septicaemia* atau Hawar Berdarah (HS) menjadi punca kematian haiwan ternakan yang menjadi kesayangan 'Mowgli Malaysia' atau nama sebenarnya, Muhammad Syukor Khamis di Kg Banggol Katong, Serada, Kuala Terengganu.

HS adalah penyakit *akut pasteurellosis* yang disebabkan oleh bakteria *Pasteurella Multocida (P. Multocida) Carter's Type B* yang hanya boleh dicegah sekiranya ternakan diberikan suntikan vaksin.

Penyakit ini biasanya menyerang haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau dan kerap menjangkiti haiwan terabit pada musim hujan. Ia boleh menyebabkan kematian dalam jangkamasa lapan hingga 24 jam selepas dijangkiti.

Barangkali, sebilangan besar daripada pembaca pasti pernah mendengar penyakit hawar berdarah.

Namun, tidak kurang juga ada dalam kalangan kita yang kurang jelas apakah yang sebenarnya dimaksudkan dengan penyakit itu?



Apa itu hawar berdarah?

Memetik laporan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), penyakit Hawar Berdarah (Haemorrhagic Septicaemia) atau HS merupakan penyakit akut pasteurellosis yang disebabkan oleh bakteria *Pasteurella multocida* Carter's Type B.



Adakah hanya berjangkit kepada kerbau?

Penyakit tersebut menyebabkan septisemia akut pada lembu dan kerbau, namun lebih mudah menjangkiti kerbau.

Menurut laporan yang sama, ternakan babi juga boleh dijangkiti HS pada kadar yang rendah. Sementara itu, jangkitan pada bebiri dan kambing pula adalah jarang dilaporkan. Bagaimana jangkitan penyakit HS boleh terjadi?

Penyakit HS disebabkan oleh salah satu daripada dua serotip *Pasteurella Multocida*, iaitu serotip B:2 dan E:2. Wabak penyakit di Malaysia adalah disebabkan oleh serotip B:2.

Simptom Penyakit :

Tanda-tanda yang ketara adalah:

- a) Haiwan mengalami kemurungan
- b) Bengkak di kepala, leher dan dada
- c) Mulut dan hidung yang berbuih
- d) Kongesi pada lapisan *mucus membrane*
- e) Konjuntivitis
- f) Sukar bernafas

Wabak penyakit tersebut boleh berlaku pada bila-bila masa, tetapi kekerapan penyakit meningkat pada musim hujan. Kebanyakan jangkitan HS adalah akut atau perakut, yang menyebabkan kematian dalam jangka masa 8 - 24 jam selepas dijangkiti.

Menurut laporan Jabatan Perkhidmatan Malaysia (DVS), jarang ada haiwan yang sembuh daripada penyakit HS.

Langkah pencegahan

Bagi mencegah dan mengawal penyakit tersebut, laporan DVS menyebut Protokol Veterinar Malaysia (PVM) HS telah menggariskan strategi berikut :

- Pelaporan
- Rawatan
- Vaksinasi
- Kawalan Pemandahan
- Survelan
- Pelupusan
- Pengurusan Fail Kes
- Dayajajak
- Langkah Biosekuriti
- Khidmat nasihat
- Kempen kesedaran awam
- Rekod



PET passport

Kad Pengenalan Haiwan Malaysia dan Kad Pengenalan Kuda Malaysia adalah salah satu dokumen rasmi Kerajaan Malaysia di bawah *Projek Malaysian Animal Traceability Systems (MATs)*.

Program pendaftaran ini bermula pada tahun 2010 dan telah diaplikasi di negara-negara maju seperti di Amerika Syarikat, Canada dan Eropah. Pelancaran rasmi Pendaftaran *Pet Passport* telah diadakan pada tahun 2012 bertempat di IPV, Cheras.

Pendaftaran butiran pemilik dan haiwan kesayangan boleh dilakukan dalam talian DVS melalui sistem *Animal Passport*. Ia tidak perlu diperbaharui dan boleh digunakan sepanjang hayat. Di Malaysia, pendaftaran Kad Pengenalan Haiwan yang di bawah Akta Haiwan 1953 belum diwajibkan namun amat digalakkan.

Tujuan *Pet Passport* adalah bagi memperkukuhkan sistem daya jejak haiwan yang lebih berkesan. Selain itu, ia juga dapat merekod maklumat biodata haiwan dan program kesihatan haiwan secara rasmi dengan mengumpul informasi statistik haiwan kebangsaan. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan sifat tanggungjawab pemilik haiwan kesayangan seterusnya menangani isu-isu yang berkaitan dengan pengenalan haiwan.



Antara faedah mewujudkan *pet passport* ialah tuan punya haiwan kesayangan dapat merujuk maklumat haiwan kesayangan, rekod perjalanan, rekod program kesihatan dan imunisasi haiwan, semuanya di dalam satu dokumen di samping penting sebagai satu dokumen pengimportan.

Pet passport akan disertakan oleh pemasangan microcip iaitu alat bagi tujuan daya jejak dan pengesahan hak milik. Maklumat pemilik dan haiwan kesayangan akan dimasukkan ke dalam sistem DVS melalui sistem *Animal passport* untuk perekodan data kebangsaan.

Kempen dan promosi sedang giat dijalankan untuk mendedahkan kepada orang awam tentang fungsi dan faedah pendaftaran bagi terus menjamin kebajikan haiwan.



PENGGUNAAN ISTILAH “PEGAWAI KEBAJIKAN HAIWAN”

Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) mendefinisikan “Pegawai Kebajikan Haiwan” atau “*Animal Welfare Officer*” sebagai mana-mana pegawai awam (*Public Officer*) yang dilantik oleh Menteri sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 36 Akta 772.

**“ HANYA PEGAWAI AWAM
YANG DILANTIK OLEH MENTERI
SEBAGAI PEGAWAI KEBAJIKAN
HAIWAN/ANIMAL WELFARE
OFFICER DIBAWAH AKTA
772 SAHAJA YANG BOLEH
MENJALANKAN KUASA
DI BAWAH AKTA 772 DAN
MANA- MANA PERUNDANGAN
SUBSIDINYA.”**



Mana-mana orang yang mempunyai maklumat berhubung penyamaran oleh individu atau organisasi yang berpura-pura sebagai seorang pegawai kebajikan haiwan yang dilantik bawah Akta 772 hendaklah melaporkan perkara tersebut ke balai polis berdekatan.



TAHUKAH ANDA?

Pegawai Kebajikan Haiwan adalah mana - mana pegawai awam yang dilantik oleh Menteri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 36 Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772].





Kicau www.dvs.gov.my
Veterinar

EDISI 11



Diterbitkan di Malaysia oleh :
Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
Wisma Tani, Blok Podium, Lot4G1,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persukutuan,
62630, Putrajaya, Malaysia.

Telefon : +603 8870 2000 Email : pro@dvs.gov.my